

Kerjasama Bernama-Jabatan Perangkaan mampu sebar maklumat statistik

KUALA LUMPUR 18 April - Kerjasama antara Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Jabatan Perangkaan Malaysia mampu menyebarkan luas maklumat statistik berkaitan Malaysia bukan hanya untuk khalayak di dalam negara malah di luar negara.

Pengerusi Bernama, Datuk Abdul Rahman Sulaiman berkata ia juga dapat memberi nilai tambah kepada maklumat statistik itu dan *Bernama* akan menyiarkannya dalam bentuk berita yang lebih difahami orang ramai.

"Bila statistik mentah sampai ke sini (*Bernama*), kita akan ada analisis, dari situ ada nilai tambah, maklumat yang disebar oleh *Bernama* ada nilai tambah," katanya kepada *Bernama* selepas menyaksikan upacara mendatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara *Bernama* dengan Jabatan Perangkaan di sini hari ini.

Jabatan Perangkaan membekalkan lapan penerbitan berkala dalam

bidang ekonomi kepada *Bernama* untuk dimasuk ke pangkalan data *Bernama Library and Infolink Service* (BLIS) sejak terjalin kerjasama pada 25 Jun 1996 hingga 2009.

Kali ini, kerjasama itu dipertingkatkan lagi dengan penambahan 15 penerbitan baharu daripada Jabatan Perangkaan, menjadikan jumlah keseluruhan 23 penerbitan, antaranya Perangkaan Utama Tenaga Buruh, Perangkaan Ekonomi Malaysia-Siri Masa, Laporan Penyiasatan Industri Pembuatan Tahunan dan Perangkaan Perkhidmatan Penginapan.

Pengurus Besar Bernama, Datuk Yong Soo Heong berkata, kerjasama itu amat penting bagi menyebarkan maklumat kepada pelabur luar negara sekali gus membantu Malaysia mencapai hasrat sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.


Sementara itu, Ketua Perangkaan, Dr. Abdul Rahman Hasan berkata, berita berkaitan statistik yang

diseiar *Bernama* akan diguna pakai akhbar lain dan ini secara tidak langsung memberi publisiti kepada jabatan itu.

"Biasanya berita statistik susah sikit, jadi bila berita *Bernama* dipetik oleh akhbar lain, nama Jabatan Perangkaan akan disebut dan ini akan memudahkan kami bekerja di lapangan."

"Kami perlu berhadapan dengan industri dan isi rumah yang sukar didekati, melalui proses ini, nama kami akan lebih dikenali dan orang akan tahu kegunaan data dan boleh memberi kerjasama yang baik dengan kami," katanya.

Pada majlis itu, *Bernama* diwakili Soo Heong; Ketua Pengarang, Datuk Zulkefli Salleh serta Pengurus Kanan Media dan Pengkalan Data, Rita Gomez manakala Jabatan Perangkaan oleh Abdul Rahman, Pengarah Kanan Bahagian Khidmat Pengurusan, Rosela Mahayuddin serta Pengarah Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna, Nazaria Baharudin. - BERNAMA



ABDUL Rahman Sulaiman (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Yong Soo Heong (kiri) dan Abdul Rahman Hasan pada majlis menandatangani MoU antara Bernama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia di Wisma BERNAMA, di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA